

04 OCT 2003

PM MENJADI TUAN RUMAH JAMUAN MAKAN TERIMA KASIH LIMA 2003

LANGKAWI, 3 Okt (Bernama) - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menjadi tuan rumah "Jamuan Makan Malam Terima Kasih" sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2003 (LIMA '03) selama enam hari yang akan berakhir pada Ahad ini.

Jamuan itu yang diadakan di Dataran Lang di Kuah, di sini bukan sahaja bagi meraikan para peserta pameran dua tahun sekali tetapi juga penduduk di pulau peranginan itu. Ini merupakan LIMA terakhir yang dihadiri Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sebelum beliau bersara pada akhir bulan ini.

Antara lebih 3,000 orang yang hadir pada jamuan di tempat terbuka itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Jamuan selama dua jam itu dimulakan dengan bacaan sajak untuk Dr Mahathir dan diikuti persembahan kebudayaan dan tradisional.

Para hadirin kemudiannya dihiburkan oleh artis tempatan termasuk Siti Nurhaliza, ratu rock Ella dan pasangan Nurul dan Ajai.

Perdana Menteri dan Isteri kemudian berlepas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi menuju ke Kuala Lumpur. Beliau diucapkan selamat pulang di lapangan terbang itu oleh Najib dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor.

-- BERNAMA

LES MZM SR MAD ZS SNS BK